

08 DEC 1999

Daim-Lobi

JANGAN LOBI DR MAHATHIR, KATA DAIM

SUNGAI PETANI, 8 Dis (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin hari ini meminta calon Barisan Nasional yang menang dan juga yang kalah dalam pilihan raya lepas supaya jangan melobi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata mereka sepatutnya membiarkan Dr Mahathir membuat keputusan dengan tenteram.

"Dahulu lobi untuk jadi calon. Sekarang dah menang (pilihan raya umum) lobi pula untuk jawatan manakala yang kalah lobi untuk dapatkan kerja," katanya di majlis jamuan kesyukuran Barisan Nasional Merbok di Sek Keb Sungai Layar, di sini. Daim yang juga Bendahari Umno berjaya mempertahankan kerusi Merbok pada pilihan raya umum 29 Nov lepas.

Beliau berkata mereka sepatutnya bersyukur dengan apa yang mereka ada.

"Kalau dah dapat jadi wakil rakyat, bersyukurlah," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Daim menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk menentukan kedudukannya dalam kabinet walaupun beliau (Daim) pernah menyatakan hasrat untuk mengundur.

"Sebagai ahli parti yang setia, saya menyerahkan segala keputusan kepada pucuk pimpinan parti. Saya memang tidak melobi," katanya.

Turut hadir ialah Datuk Beh Heng Seong, Anggota Dewan Undangan Negeri Gurun, Datuk V. Saravanan (Adun Bukit Selambau) dan Hajah Rosnah Majid (Adun Tanjung Dawai).

Ketiga-tiga Dewan Undangan Negeri itu terletak di bawah Parlimen Merbok.

-- BERNAMA

JM MAI